

# Pembelajaran berasaskan pendedahan, pengalaman sebenar

## Belanjawan 2020 merealisasikan banyak inisiatif yang sudah dirancang awal

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin  
khairul.anam@bh.com.my

**Kuala Lumpur** Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) akan terus mendukung komitmen dan inisiatif kerajaan dalam memperkasa bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini.

Najib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim, berkata pertambahan agihan dana dalam Belanjawan 2020 akan membolehkan penyediaan TVET yang lain untuk merealisasikan lebih banyak inisiatif yang sudah dirancang awal seperti mewujudkan pengalaman pembelajaran lebih ke arah industri sebenar.

Beliau berkata, langkah itu termasuk bagi meningkatkan taraf peralatan, pengambilan tenaga pengajar berpengalaman dari industri tempatan dan antara-bangsa, di samping meningkatkan lagi kerjasama strategik dengan rakan industri.

"UTeM juga bekerjasama dengan rakan MTUN lain bagi membangunkan kembali konsep pembelajaran berteraskan industri menerusi pembangunan Teaching Factory atau Kilang Pembelajaran.

"Menerusi pembangunan ini, keberkesanan pembelajaran berasaskan pendedahan dan pengalaman sebenar di industri lebih terjamin dan pelajar serta graduan MTUN akan sentiasa bersedia untuk industri (*industry-ready*), seterusnya menjadi buruan utama industri ternama," katanya kepada *BH Varsiti*.  
Prof Raha yakin usaha pemerkasaan ekosistem TVET yang membolehkan kerjasama semua penyedia TVET ini mampu untuk direalisasikan selaras de-



Prof Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim



Prof Dr Abdullah Ibrahim

ngan hasrat negara dalam mencapai status negara maju 2030. "MTUN sentiasa bersepekat dalam memperkatakan lagi pendidikan tinggi TVET negara antaranya melalui pembagai inisiatif dan perancangan yang di-zahirkan seperti menerusi buku *MTUN Excellence* yang menggariskan lima strategi utama iaitu pembangunan teknologi, kompetensi bakat, pengin-

katan visibiliti, pemerkasaan pembelajaran serta pengajaran, selain merangsang permulaan teknologi baharu.

"Mendepani cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) pastinya memerlukan persiapan yang rapi bagi memastikan sistem pendidikan tinggi TVET negara berada di hujung tepat dan selari dengan sistem pendidikan teknikal di negara-negara maju seperti Jerman, Korea serta Australia.

Beliau juga mengakui sistem pendidikan TVET yang ditawarkan di negara ini memiliki keistimewaan tersendiri iaitu komponen pembelajarannya lebih tertumpu kepada aplikasi dan amali berbanding teori, malah turut menjadi pelengkap kepada sistem pembelajaran konvensional yang ditawarkan di universiti-siti lain.

"Dari segi perkembangan program akademik pula, UTeM sendiri menyaksikan untuk masa bahu Sarjana Muda Teknologi yang mana dua daripadanya sudah ditawarkan mulai September lalu, empat program disasarkan untuk ditawarkan mulai tahun depan sementara empat program lagi masih dalam peringkat pembangunan," katanya.

Sementara itu, Dekan Kanan Kolej Teknologi Kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Dr Abdullah Ibrahim berkata MTUN terutama UTeM menawarkan tempat pengajian peringkat ijazah teknologi kejuruteraan kepada lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM).

Beliau menjelaskan tarawaran berkenaan akan terus dilaksana dengan memasukkan elemen *teaching factory* atau kemasyarakatan program pengukuhan, *bridging* atau program asasi TVET," katanya.

## INFO

### MTUN

- MTUN diterajui empat universiti berasaskan teknikal iaitu UTeM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- Berperanan memastikan tenaga kerja profesional dalam bidang teknikal dilahirkan mencukupi, berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan industri.

supaya membolehkan lebih ramai pelajar KV memasuki institusi pengajian tinggi.

Mengenai Belanjawan 2020, Prof Abdullah berkata, besar harapannya agar peruntukan khas dapat diberikan kepada MTUN khususnya untuk melengkapkan prasarana, fasiliti dan pembangunan profesionalisme tenaga pengajar aliran TVET aras tinggi.

"MTUN perlu menyediakan sistem pembelajaran yang boleh menyokong penghasilan graduan yang mampu memenuhi keperluan industri, justeru jaringan universiti-industri perlu terus diperkasa dengan menyediakan *teaching factory* yang umum ketahui memerlukan peruntukan untuk merealisasikan."

"Harapan saya agar MTUN dapat meluluskan akses pendidikan kepada laluan aliran TVET supaya lebih ramai pelajar dapat melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, malah usaha ini dapat dilakukan dengan melihat semasa syarat masuk ke peringkat ijazah atau menyediakan program pengukuhan, *bridging* atau program asasi TVET," katanya.

## SIDANG REDAKSI

Pengarang Kumpulan BH  
Khairul A. Majid

Pengarang Elokak Kanan  
Saidon Idris

Pengarang Elokak Kiri dan  
Chai Terence  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Elokak Benda dan Digital  
M. Hillandian

Pengarang Elokak Pengajaran  
Azhar A. Samah

Pengarang Kandungan BM  
Vertikal Pendidikan  
Ridwan Yop

Pengarang Pengajaran Benda Pendidikan  
Mohd Zin Mohd Ali  
Basir Zahrom

Wartawan  
Nor Azma Laila  
Nan Nurazila Kusub  
Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Arts Elokak  
Mohd Hakim Ismail  
Mohd Zahredin Ismail

Isitihari  
Khairul Anwar Md Nur (Yon)

E-mail: lhanstg@bh.com.my

Pengeluaran  
Tel: 1300230797

Berita Harian / Vertikal Pendidikan  
Tel: 1300230797 Samb 108  
Faks: 03-2656 7081

LANGGANAN  
Jabatan Pengajaran dan  
Khalid NCTP, 2, Jalan Rongg,  
93100 Kuala Lumpur  
E-mail: education@khdg  
mediaprint.com.my  
Samb: 7755  
Tel: 03-2724 8999

✉ E-mail atau surat ke alamat:  
khairul@varsiti.com.my atau  
-diatas ini,  
3, Jalan Rongg, 93100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

#bhpendidikan

#bhpendidikan

